

12 SEP 1996

SHERATON PERDANA UNJUR PENDAPATAN LEBIH TINGGI TAHUN DEPAN

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Sheraton Perdana Resort Langkawi yang mencatat pendapatan sebanyak RM1.6 juta dalam bulan pertama ia beroperasi, mengunjurkan kenaikan 30 hingga 40 peratus dalam pendapatan tahunan tahun depan.

Pengurus besarnya, John O'Shea menjangkakan kadar penginapan hotel itu yang mempunyai 204 bilik akan bertambah apabila kerja-kerja memperbesarkan landasan lapangan terbang antarabangsa Langkawi siap pada tahun depan.

Landasan baru itu akan mampu menampung lebih banyak lagi penerbangan antarabangsa secara langsung dan menyediakan laluan yang mudah ke Langkawi, katanya.

Pusat peranginan itu, yang terletak beberapa minit menerusi kenderaan dari pekan kuah dan lapangan terbang, telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Julai lepas.

Ia diberi penarafan lima bintang oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan bulan lalu.

O'Shea berkata pendapatan bulan Ogos, dengan kadar penginapan 57 peratus, adalah 45 peratus lebih baik daripada RM1.1 juta yang diramalkan untuk bulan berkenaan.

Pusat peranginan itu menguasai 90 peratus daripada pembahagian pasaran di kalangan enam buah hotel yang mempunyai gabungan 1,406 bilik di Langkawi, tambahnya.

Hotel yang dimiliki oleh Faber Group Bhd itu, telah diubahsuai dengan menelan belanja kira-kira RM100 juta.

Ia diurus oleh ITT Sheraton Corporation yang berpangkalan di Boston yang turut mengurus 420 hotel dan pusat peranginan di 62 buah negara. Ia mencatat pendapatan sejumlah AS\$4 bilion (RM10 bilion) tahun lalu. --

BERNAMA

ZMY MA/sia